

04 SEP 1998

Mahathir-pertubuhan

LEBIH BANYAK PERTUBUHAN, BADAN SUKARELA SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Lebih banyak pertubuhan, persatuan dan badan sukarela hari ini menyatakan sokongan terhadap tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kabinet.

Rata-rata mereka menyatakan Dr Mahathir berhak melaksanakan prerogatifnya sebagai ketua kerajaan dan beliau sudah tentunya meletakkan kepentingan negara di atas segala faktor lain dalam membuat keputusan.

Persatuan Agen-agen Insuran Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (Jamin) menyokong penuh ketegasan dan keberanian Dr Mahathir melucutkan jawatan Anwar, kata presidennya Mohamad Zainuddin Haji Abu Bakar.

Dalam satu kenyataan, beliau berkata Anwar selaku Menteri Kewangan telah memihak kepada Dana Matawang Antarabangsa (IMF) dan tidak mendengar atau mempedulikan saranan Perdana Menteri dalam menangani masalah ekonomi.

Ketika ekonomi negara berkembang sebanyak lebih 8 peratus setahun berturut-turut selama 10 tahun di bawah pimpinan Dr Mahathir, Anwar dengan bangganya mengumumkan pentadbiran negara amat baik.

Tetapi, apabila IMF menyatakan masalah ekonomi negara berpunca daripada amalan pengurusan tidak baik, Anwar membuat pusingan 360 darjah dan menyokong dakwaan itu, kata Mohamad Zainuddin.

Katanya JAMIN menyokong penuh langkah-langkah drastik yang diambil Dr Mahathir bagi memulihkan ekonomi.

Sementara itu, Kelab Ahli-ahli Parlimen Umno juga yakin pemecatan Datuk Seri Anwar sebagai anggota Umno adalah bagi menjaga imej dan nama baik parti.

Pengerusi kelab, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis berkata semua anggota kelab itu telah menyatakan sokongan melalui wakil di negeri masing-masing atas tindakan Perdana Menteri itu.

"Sebagai ahli Dewan Rakyat, kami meminta semua rakyat Malaysia supaya bertenang dan berdiri di belakang pucuk pimpinan negara dalam menghadapi keadaan sekarang," katanya pada persidangan media di sini hari ini.

Jamaluddin yang juga Anggota Parlimen kawasan Rompin, sebelum itu mengadakan mesyuarat khas dengan anggota kelab di sini hari ini.

Ketika ditanya adakah sokongan itu dibuat sebulat suara oleh anggota kelab memandangkan hanya 21 orang yang hadir mesyuarat itu, beliau berkata yang lain telah menyatakan pendirian masing-masing menyokong keputusan Dr Mahathir sama ada kepada beliau sendiri atau wakil mereka.

Katanya, anggota kelab itu juga menyokong keputusan Dr Mahathir melucutkan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, dua hari lepas.

"Kami percaya Perdana Menteri telah memikirkan secara mendalam sebelum membuat keputusan itu," katanya.

Beliau juga berkata sokongan kepada Dr Mahathir dibuat memandangkan Perdana Menteri berpengalaman luas dan berfikiran jauh.

"Banyak tindakan Dr Mahathir selama ini terbukti betul dan berhasil. Walaupun ada keputusan dan tindakannya dicurigai atau dipersoalkan, akhirnya ianya betul, bernas dan tepat," katanya.

Beliau memberi contoh tindakan spekulator memainkan matawang negara dikecam oleh dunia tetapi sekarang dunia akhirnya mengakui Perdana Menteri adalah betul.

-- BERNAMA

NZ KHY

